



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**EKSPERIMENTASI TEKNIK *DOUBLE WEAVE* DALAM  
PENGHASILAN FABRIK YANG BERDIMENSI  
DAN BERTEKSTURA**

Noor Liza Aidie Binti Sagian

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Teknologi Seni Reka)  
2014

EKSPERIMENTASI MENGGUNAKAN TEKNIK *DOUBLE WEAVE* DALAM  
PENGHASILAN FABRIK YANG BERDIMENSI DAN BERTEKSTURA

NOOR LIZA AIDIE BINTI SAPIAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepingjian  
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2013 / 2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL : EKSPERIMENTASI MENGGUNAKAN TEKNIK *DOUBLE WEAVE* DALAM  
PENGHASILAN FABRIK YANG BERDIMENSI DAN BERTEKSTURA

SESI PENGAJIAN : 2013/2014

SAYA NOOR LIZA AIDIE BINTI SAPIAN

Mengaku membenarkan tesis/laporan \*ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik dibenarkan membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik dibenarkan membuat pengiditan bagi membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. \*Sila tandakan.

SULIT

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan

TERHAD

Keselamatan dan kepentingan seperti yang termaktub

TIDAK TERHAD

Di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)  
(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah  
ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan  
dijalankan)

Tandatangan Penulis,

Tarikh : 16 / 6 / 14

KG SUNGAI SAMAK

36400 HUTAN MELINTANG, PERAK

Tandatangan Penyelia,

Tarikh : 16 / 6 / 2014

Dr. June Ngo Sook Kheng  
Pensyarah Kanan

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

\*jika tesis/laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

## PENGAKUAN

### **Eksperimentasi menggunakan Teknik *Double Weave* dalam penghasilan fabrik yang Bertekstura dan berdimensi**

Saya mengaku bahawa tesis dan penyelidikan ini merupakan hasil kerja yang dilakukan sendiri dan apa-apa idea atau petikan daripada kerja-kerja orang lain, diterbitkan atau sebaliknya diakui sepenuhnya selaras dengan amalan merujuk kepada *standard* disiplin. Penyelidikan digunakan sebagai sokongan untuk memenuhi Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka Tekstil dan Fesyen)



.....  
(NOOR LIZA AIDIE BINTI SAPIAN)

No Metrik : 31684

Tekstil dan Fesyen

## PENGESAHAN

Projek “Eksperimentasi menggunakan Teknik *Double Weave* dalam penghasilan fabrik yang Bertekstura dan berdimensi” telah disediakan oleh Noor Liza Aidie binti Sopian dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka)

Diterima Untuk Diperiksa Oleh:



.....  
(DR. JUNE NGO SIOK KHENG)

Tarikh : 16 / 6 / 2014

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Borang pengesahan	i
Pengakuan	ii
Pengesahan	iii
Penghargaan	iv
Isi kandungan	v
Senarai rajah	viii
Senarai jadual	x
Penghargaan	xi
Abstrak	xii
Abstract	xiii
<b>BAB 1            LATAR BELAKANG KAJIAN</b>	
1.0    Pengenalan	1
1.1    Penyata masalah	3
1.2    Objektif kajian	3
1.3    Persoalan kajian	3
1.4    Perancangan kerja	4
1.5    Kepentingan kajian	5
1.6    Skop kajian	6
1.7    Kesimpulan	7

<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	8
2.0	Pengenalan teknik <i>double weave</i>	10
2.1	Kajian literature	12
2.2	Kesimpulan	
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIDAN</b>	
3.0	Pengenalan	13
3.1	Kajian metodologi	13
3.2	Kesimpulan	16
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0	Pengenalan	17
4.1	Kaedah kualitatif	17
4.1.1	Kaedah pemerhatian melalui eksperimen dan persampelan	17
4.1.2	Temubual	19
4.1.3	Lawatan tapak	19
4.2	Kesimpulan	20
<b>BAB 5</b>	<b>PERKEMBANGAN IDEA</b>	
5.0	Pengenalan	21
		22
5.1	Konsep	23
5.2	Lakaran awal	23
5.3	Perkembangan idea	24
5.4	Pemilihan material dan peralatan	24

5.4.1	Bahan mewarna	24
5.4.2	Material yang digunakan	27
5.4.3	Peralatan dan tujuan	30
5.4.4	Mengenalpasti yang berpotensi	37
5.5	Proses mewarna benang sutera	39
5.6	Lakaran produk akhir	40
5.7	<i>Croquise</i>	40
5.8	Proses menenun	42
5.8.1	Proses menganing / <i>warping</i>	42
5.8.2	Proses menggulung benang loseng pada kek	43
5.8.3	Proses mengarat / <i>threading</i>	43
5.8.4	Proses menyampak	44
5.8.5	Proses <i>tie-up</i>	44
5.8.6	Proses menenun	45
5.8.7	Produk 1 : Selendang	

## **BAB 6        VALIDASI PRODUK**

6.0	Pengenalan	48
6.1	Kelebihan produk	48
6.2	Jenis material	49
6.3	Rekacorak / permukaan	49
6.4	Kelemahan	50
6.5	Batasan kajian	50
6.6	Kesimpulan	51



## SENARAI RAJAH

1.1	Carta alir perancangan kerja dalam menghasilkan penyelidikan	5
		10
2.1	Fabrik <i>double weave</i> menggunakan teknik <i>pick-up</i>	13
3.1	Metod penyelidikan	18
4.1	Contoh sampel teknik <i>pick-up</i>	18
4.2	Contoh sampel teknik <i>tubular</i>	22
5.1	Carta alir perkembangan idea	23
5.2	Contoh lakaran awal	23
5.3	Contoh perkembangan idea	25
5.4	Benang kapas yang telah diwarna	25
5.5	Benang sutera yang telah diwarna	26
5.6	Dawai <i>copper</i> saiz 30	17
5.7	<i>8-shaft loom</i>	28
5.8	<i>Vertical warping reel</i>	29
5.9	<i>Umbrella swift</i>	29
5.10	<i>Stick shuttle</i>	31
5.11	<i>Two layer weave</i>	31
5.12	<i>Tubular weave</i>	32
5.13	<i>Tubular weave</i>	33
5.14	<i>Two layer weave</i>	34
5.15	<i>Pick-up weave</i>	35

5.16	<i>Pick-up weave</i>	36
5.17	Tenunan <i>tubular</i> dan lipatan	38
5.18	Benang sutera yang sedang diwarnakan	39
5.19	Benang sutera yang telah diwarnakan	39
5.20	Reka cadang produk akhir	40
5.21	Reka cadang <i>Croquise</i>	40
5.22	Carta alir menunjukkan proses untuk menenun fabrik <i>double Weave</i>	42
5.23	Proses menganing benang sutera	43
5.24	Proses mengarat	43
5.25	Proses manyampak	44
5.26	Proses menenun teknik <i>pick-up</i>	45
5.27	Selendang	46
5.28	Teknik <i>two separate layer</i>	46
5.29	Teknik <i>pick-up</i>	

#### SENARAI JADUAL

5.1	Perbezaan tenunan <i>double weave</i> dan tenunan biasa	47
-----	---------------------------------------------------------	----

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi dengan izin-Nya saya telah berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Penyelidikan ini sesungguhnya tidak bererti apa-apa tanpa sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak secara langsung dan tidak langsung. Sejak Sembilan bulan yang lalu saya telah memulakan penyelidikan ini dimulakan dengan proses melakar, mencatat dan mengumpul maklumat berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Dibawah penyeliaan Dr. June Ngo Siok Kheng, pembacaan, pemerhatian, temuramah dan eksperimen yang dijalankan, saya dapat mengumpul maklumat tentang tenunan tangan *double weave*.

Semoga usaha saya dalam memartabatkan fabrik tenun *double weave* sebagai salah satu fabrik tenun tangan di Malaysia dapat menarik lebih ramai generasi muda untuk mencintai fabrik tenun tangan. Selain itu, diharap penyelidikan ini boleh dijadikan rujukan kepada generasi akan datang.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr. June Ngo Siok Kheng selaku penyelia saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan positif dalam menjayakan penyelidikan ini. Tidak lupa juga, seluruh keluarga saya terutama suami tercinta yang sentiasa ada dikala susah dan senang. Anak saya Khalish Ar-Rayyan yang sentiasa menjadi peneman dalam segala situasi. Rakan-rakan saya yang telah banyak membantu secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini.

Salam sayang,

## ABSTRAK

*Double weave* adalah fabrik yang ditenun dua atau lebih lapisan dengan serentak. Fabrik ini ditenun berasingan atau bercantum pada bahagian sisinya. Selain daripada itu, ia juga mempunyai warna atau corak berbeza dibahagian hadapan dan belakang. Penyelidikan ini memfokuskan kepada eksperimentasi teknik *double weave* dalam penghasilan fabrik yang bertekstura dan berdimensi. Penggunaan pelbagai benang seperti benang kapas, benang elastik, sutera, rotan dan dawai *copper* untuk menghasilkan tenunan tekstil *Double weave*. Pada akhir kajian ini, produk yang dihasilkan adalah untuk kegunaan fesyen wanita dan seni tekstil berasaskan tema *Treasure from the sea*.

## *ABSTRACT*

Double weave is the weaving of two layers of cloths on loom at the same time, one above the other. These layers are completely independent and connected on one or both selvages. It also has different color and patterns on both front and back of the cloth. This research focuses on experimental double weave techniques to produce textural and dimensional fabric. It uses a variety of yarns like cotton yarn, elastic thread, silk, rattan and copper wire to produce double weave hand woven textiles. At the end of this research, the products are suitable for women's fashion and textile art based on the theme of "Treasure from the Sea".

## 0BAB 1

### LATAR BELAKANG KAJIAN

#### 1.0 Pengenalan

Tekstil tergolong sebagai seni kraftangan yang dihasilkan oleh manusia bagi memenuhi keperluan asas seperti pakaian. Melalui perkembangan sejarah dan budaya, penghasilan tekstil berkembang seiring dengan perkembangan kebudayaan sesuatu kelompok manusia. Tekstil tenunan tangan di Alam Melayu juga tidak terlepas daripada masalah perkembangan budaya masyarakat yang melambangkan taraf ketamadunan bangsa Melayu.

Kajian mengenai eksperimentasi teknik double weave dalam penghasilan fabrik berdimensi dan bertekstura cuba menyingkap tentang teknik-teknik *double weave*, material yang sesuai digunakan untuk menghasilkan tekstura dan 3 dimensi serta produk yang ingin dihasilkan menggunakan teknik ini.

Melalui penyelidikan yang dibuat melalui pembacaan, dalam penghasilan fabrik terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan menggunakan gentian tekstil seperti gentian sutera, bulu, kapas, *linen*, poliester dan sebagainya. Jalinan diantara yarn merupakan kaedah yang paling kompleks dalam penghasilan fabrik. Terdapat teknik seperti kait, ikatan, dan tenunan dalam penghasilan fabrik.

Tenunan merupakan jalinan dua set benang pakan dan loseng yang bersilang dan ditunen diantara satu sama lain. Panjang loseng akan menentukan panjang fabrik tersebut. Manakala, pakan menentukan kelebaran fabrik tersebut. Oleh itu, teknik yang

berulang-ulang dalam jalinan ini dipanggil tenun. Terdapat beberapa teknik dalam tenunan seperti songket, pua kumbu, sungkit dan teknik *double weave*.

Kajian ini lebih menumpukan kepada teknik tenunan tangan iaitu teknik *double weave*. *Double weave* merupakan fabrik yang ditunen berlapis diantara satu sama lain. Setiap lapisan itu boleh ditunen bersama atau berasingan dan rekaannya diubah dengan menukar jenis benang daripada setiap lapisan. Sistem *double weave* ini menarik dan dapat menghasilkan fabrik yang berganda seperti 3 lapis fabrik dan empat lapis fabrik.

Berdasarkan buku *The Art of Weaving (1986)*, reka corak yang digunakan pada fabrik *double weave* ini lebih kepada garisan. Selain itu, struktur permukaan fabrik tersebut juga kasar dan tebal. Melalui pemerhatian yang dibuat, fabrik *double weave* ini lebih kepada hiasan dinding, selimut dan *table cloth*. Selain itu juga, teknik *double weave* ini kurang dikenali dalam tenunan tangan di Malaysia. Oleh yang demikian, penyelidik memilih untuk menggunakan teknik *double weave* dalam memberi inovasi terhadap fabrik tenun yang sedia ada di Malaysia. Ini disebabkan dengan menggunakan teknik *double weave*, tenunan yang akan dihasilkan mempunyai warna, corak dan tekstur yang berbeza di bahagian hadapan dan belakang.

Selain itu, fabrik yang dihasilkan menggunakan teknik *double weave* kurang dikenali oleh masyarakat di Malaysia. Justeru itu, penyelidik membuat kajian mengenai potensi teknik *double weave* untuk menghasilkan fabrik yang berlapis dan berdimensi bagi menarik minat masyarakat terhadap fabrik ini. Sekaligus menaikkan nilai keindahan fabrik *double weave*.

## 1.1 Penyataan masalah

Melalui pemerhatian yang telah dibuat, fabrik tenun menggunakan teknik *double weave* hanya digunakan untuk menghasilkan selimut, hiasan dinding dan fabrik lain yang berat dan tebal. Di Malaysia, teknik ini kurang dikenali oleh komuniti setempat. Oleh itu, kajian ini untuk memberi inovasi kepada fabrik tenun melalui warna, tekstur, teknik tekstil dan material yang digunakan.

## 1.2 Objektif kajian:

Objektif kajian adalah untuk:

- Mengenalpasti warna dan material yang sesuai digunakan dalam menghasilkan tekstil.
- Mengeksplorasi teknik *double weave* untuk menghasilkan fabrik berdimensi dan bertekstura.
- Menghasilkan seni tekstil dan untuk kegunaan fabrik fesyen.
- Membuat validasi fabrik *double weave* dan seni tekstil yang dihasilkan dalam kajian.

## 1.3 Persoalan kajian

Pelbagai persoalan yang timbul sebelum menjalankan kajian ini seperti :

- a) Bagaimana menghasilkan fabrik *double weave* yang berdimensi dan bertekstura?




- b) Apakah jenis material dan benang yang sesuai untuk menghasilkan seni tekstil dan fabrik menggunakan teknik *double weave*?

#### 1.4 Perancangan kerja

Carta perancangan kerja sangat penting dalam menghasilkan penyelidikan yang baik. Melalui perancangan kerja yang teratur, pengkaji dapat melaksanakan kajian dengan lebih teratur dan sistematik. Selain itu berdasarkan perancangan kerja, penyelidik dapat mengumpul maklumat mengenai tajuk yang dibuat dengan teratur. Maklumat ini merangkumi teknik yang sesuai untuk digunakan, material dan warna yang sesuai. Maklumat ini juga penting dalam penghasilan produk akhir yang ingin dibuat.

Penghasilan produk akan dibuat selepas pengumpulan maklumat yang diperlukan dan telah diteliti. Selain itu, proses eksperimen juga amat penting bagi memastikan material yang sesuai dalam penghasilan produk. Selepas eksperimentasi dijalankan, penyelidik dapat mengenalpasti material yang berpotensi. Jika terdapat sebarang penambahbaikan terhadap sesuatu rekaan, proses membaiki mutu rekaan dilakukan. Penghasilan rekaan akhir akan dilakukan agar dapat dipersembahkan.



Gambarajah 1.1: Carta aliran perancangan kerja dalam menghasilkan penyelidikan

### 1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini penting bagi tujuan untuk mencari alternatif baru dalam penghasilan fabrik tenun tangan yang berbeza dengan yang sedia ada. Kajian ini dibuat untuk menghasilkan fabrik tenun tangan yang mempunyai warna dan corak berbeza dibahagian hadapan dan belakang. Selain menghasilkan fabrik yang berlapis. Kajian ini juga dapat memberi

inovasi terhadap fabrik tenun sedia ada dipasaran serta menarik minat masyarakat terhadap fabrik tersebut. Fabrik yang dihasilkan juga memenuhi spesifikasi daripada segi warna dan corak yang lebih menarik.

Selain itu, kajian ini penting untuk mengkaji teknik-teknik yang sesuai bagi menghasilkan fabrik *double weave*. Selain pemilihan material untuk menghasilkan tekstura dan dimensi pada fabrik.

## 1.6 Skop kajian

Skop kajian yang dibuat oleh pengkaji adalah mengenai teknik tenunan tangan *double weave* menggunakan *four-shaft* dan *eight-shaft*. Kek *four-shaft* dan *eight-shaft* dapat menghasilkan fabrik tenun yang berlapis dua dan empat. Selain itu, fabrik tenun ini juga mempunyai corak dan warna berbeza dibahagian hadapan dan belakang.

Pengkaji turut membuat penyelidikan terhadap jenis material yang sesuai untuk digunakan dalam tenunan tangan menggunakan teknik ini. Pengkaji telah memilih benang kapas, rotan, sutera dan dawai *copper* dalam menghasilkan fabrik yang berdimensi dan bertekstura semasa proses eksperimen. Melalui eksperimen yang dibuat, didapati setiap material yang digunakan memberi kesan yang berbeza. Penyelidikan yang dibuat juga akan menumpakan kajian terhadap keupayaan material untuk menghasilkan tekstur pada permukaan fabrik atau keupayaan dalam menghasilkan fabrik berdimensi dengan menggunakan material tertentu.

## **1.7 Kesimpulan**

Pada kesimpulannya, pengkaji akan membuat kajian berdasarkan objektif kajian yang dibuat serta berdasarkan penyata masalah yang telah dikenalpasti. Selain itu, pengkaji turut mengenalpasti beberapa persoalan sebelum membuat penyelidikan berdasarkan perancangan kerja yang telah dibuat.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan teknik *double weave*

Teknik *double weave* telah wujud sejak lama dahulu. Namun asal teknik ini tidak diketahui. Berdasarkan buku *Double Weave* (Moore, 2010), ia telah muncul dan dikembangkan oleh masyarakat Cina dan Peru pada zaman awal millennium. Pada tahun 1000 B.C menunjukkan penenun dikalangan masyarakat Peru telah mahir dengan pelbagai jenis teknik dalam tenunan *double weave* menggunakan *narrow backstrap looms* dengan *shed stick* dan pokok atau dengan lebih banyak *heddle stick*. Pada zaman itu juga, telah wujud bag yang ditenun menggunakan teknik *tubular* dan pakaian yang berlapis menggunakan *backstrap loom* dengan kelebaran 30 inci. Manakala, motif manusia, binatang dan geometri telah ditenun menggunakan teknik *pick-up*. Kebanyakan teknik *double weave* lebih kompleks, ianya telah datang daripada budaya Nasca sekitar tahun 500 A.D.

Dalam pada masa yang sama, berdasarkan penemuan bertulis yang dijumpai menyatakan masyarakat Cina telah mula menenun *polychrome* dua lapis dan tiga lapis pakaian semasa pertengahan Dinasti Chou, 800 hingga 249 B.C. Manakala, India telah menyambung tradisi ini menggunakan *block-pattern double weave* pada beberapa abad sebelum masihi. Manakala, di Persia terdapat saki baki tenunan *double cloth* pada zaman tersebut. Dimana, tenunan ini telah muncul kembali pada abad ke sebelas dan ke dua

belas. Manakala, semasa abad ke enam belas dan tujuh belas, telah dicipta hiasan dinding menggunakan teknik *double weave*.

Pengetahuan mengenai *double weave* telah berkembang ke Rusia dan Scandinavia serta Eropah. Pada abad ke enam belas, *double weave* digunakan sebagai hiasan rumah dan pelindung dinding di Scandinavia. Dari segi senireka tenunan, mereka menggunakan teknik *pick-up* yang dikenali sebagai *Finnweave*. Dalam pada masa yang sama, di England, Scotland dan Wales, selimut dan pakaian telah dihasilkan menggunakan tenunan *double weave*. Melalui Negara Eropah, teknik *double weave* ini telah dibawa masuk ke Amerika Syarikat dan Canada. Rekaan yang digunakan adalah lebih kepada blok.

Selepas beberapa dekad, kita dapat lihat melalui teknik ini, telah banyak perubahan yang dilakukan daripada segi material, corak dan peralatan yang digunakan berubah. Pada masa kini, kek yang digunakan lebih banyak karat. Manakala, melalui teknologi yang kita ada, lebih banyak fabrik *double weave* yang menarik dapat dihasilkan.



Gambarajah 2.1: Fabrik *double weave* menggunakan teknik *pick-up*

## 2.1 Kajian literatur

Melalui kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada skop yang lebih kecil iaitu warna dan material. Tenunan merupakan jalinan diantara satu sama lain benang losing dan pakan. Dengan mengetahui struktur tenunan asas ia akan membantu penenun baru untuk menjadi pencun yang lebih berpengalaman. Regensteiner (1986. 4), "*Basic weaves become as familiar to the weaver as daily bread and are indeed the primary fare of the weavers craft.*"

Berdasarkan Hicks (2006. 23), "*weaving as a metaphor. Our culture rests on Greek foundations, and weaving is as much a part of our conceptual scheme today as it was in the time of Homer*". Ini bermaksud tenunan tekstil menggambarkan sesuatu budaya disekeliling kita. Selain ia menggambarkan sesuatu maksud tersirat yang ingin disampaikan.

Manakala, Chandler (1994) menyatakan, tenunan merupakan dua set yarn yang ditenun diantara satu sama lain. Satu set dipanggil losing dan satu set dipanggil pakan. Didalam tenunan terdapat pelbagai jenis tenunan seperti *plain weave*, *twill weave*, *twining*, *basketry*, *gauze weave*, *float weave*, *compound weave*, , *satin weave* dan lain-lain. Manakala teknik tenunan pula seperti sungkit, *jacquard*, *leno*, *double weave* dan lain-lain.

Warna mempunyai empat kualiti iaitu *hue*, *value*, *intensity* dan *temperature*. *Hue* adalah kualiti asas untuk mengenali warna. Manakala *value* pula menentukan sesuatu warna itu terang atau tidak berdasarkan kepada jumlah warna putih dan hitam yang digunakan. *Intensity* pula menentukan warna itu *cerah* atau *pudar*. Manakala, *temperatur* merujuk kepada *panas* atau *sejuk* warna tersebut.

Pengkaji juga membuat pemerhatian warna melalui majalah View edisi 87-100 (2013) untuk melihat skema warna yang bersesuaian untuk digunakan dalam penyelidikan berdasarkan tema yang telah dipilih.

Selain itu menurut Holtzschuc,(2002. 1), "*color is essential for life*". Dimana warna dapat merangsang, menenangkan, mengganggu, menunjukkan budaya, semangat dan menjadi simbolik. Ia juga meresapi setiap aspek kehidupan kita serta menunjukkan kecantikan sesuatu objek.